

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:

910/1

PRA STPM

JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG
BAHASA MELAYU

KERTAS 1

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA
DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A,
Bahagian B, dan Bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A
dan Bahagian B dan **satu** soalan dalam Bahagian C.*

*Ada **dua puluh** soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan
diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan yang betul
dan **bulatkan** pada jawapan anda pada kertas soalan ini.*

*Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian B dan
Bahagian C pada helaian jawapan. Ikat helaian jawapan anda
bersama dengan kertas soalan ini.*

Markah untuk tiap-tiap soalan dan bahagian soalan diberikan
dalam tanda kurung [].

Untuk Kegunaan
Pemeriksa

Bahagian A

20 soalan:

Bahagian B

Soalan 1-3:

Bahagian C

Soalan 1:

Soalan 2:

Soalan 3:


JUMLAH:

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.

Bahagian A

[20 markah]

Jawab **semua** soalan



Tibet-China, Austronesia, dan Austroasia ialah

- A filum bahasa
- B rumpun bahasa
- C keluarga bahasa
- D subkeluarga bahasa

2. Antara yang berikut, yang manakah batu-batu bersurat yang membuktikan bahawa bahasa Melayu menerima pengaruh Islam?

- I Kota Kapur, Pulau Bangka
- II Pagar Ruyung, Minangkabau
- III Talang Tuwo, Bukit Siguntang
- IV Minye Tujuh, Aceh

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

3. Yang manakah pernyataan **tidak benar** tentang bahasa Melayu kuno?

- A Semua batu bersurat yang ditemui menggunakan tulisan Palava dan Kawi sahaja
- B Menerima pengaruh bahasa Sanskrit
- C Tidak terdapat bunyi e pepet dalam bahasa Melayu kuno
- D Awalan **mar-** dalam bahasa Melayu kuno berubah menjadi **ber-** dalam bahasa Melayu moden

4. Antara yang berikut, yang manakah fungsi bahasa Melayu klasik?

- I bahasa ilmu
- II bahasa undang-undang
- III bahasa persuratan
- IV bahasa pentadbiran

- A I, II, dan III
- B I, III, dan IV
- C II, III, dan IV
- D I, II, III, dan IV

5. Dalam proses perancangan dan pembinaan bahasa, perancangan taraf melibatkan

- A peluasan penggunaan bahasa dalam masyarakat
- B peningkatan penghasilan karya dalam sesuatu bahasa
- C pendaulatan peranan sesuatu bahasa dalam konteks negara
- D pengiktirafan masyarakat terhadap pemodenan bahasa

6. Urutan yang tepat pengekodan sistem ejaan bahasa Melayu moden

- I A Grammar of Malayan Language oleh William Marsden
- II Sistem Ejaan Fajar Asia yang digunakan secara rasmi oleh ASAS 50
- III Sistem Ejaan Za'ba yang digunakan sebagai ejaan sekolah dan ejaan rasmi
- IV Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia

- A I, II, III, IV
- B I, III, II, IV
- C II, I, III, IV
- D II, III, I, IV

7. Matlamat penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah seperti yang berikut **kecuali**

- A memajukan bakat kesusasteraan terutama dalam bahasa kebangsaan
- B menyeragamkan ejaan dan sebutan serta mengubah istilah
- C menyusun dan menerbitkan kamus bahasa kebangsaan
- D membuat keputusan dasar tentang bahasa

8. Padanan pengaruh bahasa asing yang tepat dalam bahasa Melayu

| | Bahasa | Contoh |
|---|----------|------------------|
| A | Cina | kapur, taman |
| B | Parsi | pongkes, kopi |
| C | Portugis | boneka, nanas |
| D | Belanda | senapang, mangga |

9.

- Mengkaji sifat bunyi
- Meneliti bunyi getaran gelombang dan frekuensi bunyi
- Mengkaji intensiti bunyi yang dihasilkan


Ciri-ciri bidang fonetik tersebut merujuk

- A fonetik auditori
- B fonetik artikulasi
- C fonetik akustik
- D fonetik fonitori

10. Yang manakah kumpulan bunyi yang merupakan anggota sesuatu fonem ?


- A Fon
- B Fonetik
- C Fonemik
- D Alofon

11. Alat artikulasi yang terpenting dan paling aktif dalam pengeluaran bunyi bahasa ditanda



- A 2, 3, 5, 6
- B 9, 10, 11, 12
- C 13, 14, 15, 20
- D 20, 15, 14,

12. Keratan rentas lidah



Vokal tengah [ɜ] hadir dalam perkataan³

- A Emak, empat, perahu
- B Dia, kereta, manja
- C Tempat, empok, mereka
- D Senja, kerja, tempat

13. Vokal tersengau hadir dalam keadaan berikut **kecuali**

- A Kedua-dua vokal dalam susunan perkataan KVKV atau KVKVK
- B Kedua-dua vokal menuruti konsonan sengauan dalam susunan KVVK
- C Kedua-dua vokal yang mengikuti konsonan sengauan dalam susunan KVKVV
- D Sebelumnya tidak terdapat konsonan sengauan

14. Pasangan vokal dalam bahasa Melayu yang boleh beralternasi bebas antara satu sama lain.

- | | |
|------------------|--------------|
| I [u] - [o] | A I dan II |
| II [u], [i], [a] | B I dan III |
| III [i] - [a] | C II dan III |
| IV [u] - [e] | D III dan IV |


15

- Tekanan yang menandakan keras atau lembutnya penyebutan sesuatu suku kata.
- Kadar panjang atau pendek sesuatu bunyi diucapkan.
- Jeda sebagai persendian yang memisahkan antara unsur – unsur linguistik.
- Intonasi menaik atau menurun ketika mengungkapkan ayat.

Ciri-ciri tersebut ialah

- A penggalan
- B suprapenggalan
- C alternasi bebas
- D penyebaran bunyi

16. Keratan rentas lidah untuk menghasilkan diftong dan anak panah menunjukkan arah geluncuran



Antara yang berikut, yang manakah mengandungi diftong?

- I tauliah, rambai, merai
- II pandai, kalau, amboi
- III meterai, hairan, sepoi
- IV kaloi, tauladan, maulana

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

17. Gabungan kata yang dihasilkan daripada hubungan parataksis yang tepat

- I ibu bapa, cantik molek
- II tua muda , tunjuk ajar
- III pilih kasih , bulan madu
- IV anak emas , puas hati

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

18.

- Hujung lidah ditemukan dengan daerah gusi.
- Lelangit lembut dinaikkan rapat ke belakang dinding rongga tekak
- Arus udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan dibiarkan bergeser dengan daerah pertemuan hujung lidah dengan gusi.

Huraian di atas menerangkan penghasilan kata

- A zohor, zaher, lafaz
- B mesyuarat, masyhur, syor
- C darab, misal, mudarat
- D ghaib, khianat, akhbar

19. Padanan konsonan afrikat asli dalam bahasa Melayu yang tepat

| | Contoh perkataan | Jenis letusan |
|-----|------------------|-------------------------------------|
| I | jambatan | Letusan lelangit keras bersuara |
| II | kolaj | Letusan lelangit keras tak bersuara |
| III | cempedak | Letusan lelangit keras tak bersuara |
| IV | Mac | Letusan lelangit keras bersuara |

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

20. Antara yang berikut , yang manakah **bukan** binaan struktur suku kata asli bahasa Melayu?

- A VK
- B KV
- C KVK
- D VKK

Bahagian B

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah mendedahkan bahawa terdapat buku-buku ilmiah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang bernilai RM 40 juta tidak terjual di pasaran. Jika kita renung kembali pendedahan ini tentu perkara ini tidak munasabah berlaku kepada sebuah negara yang sedang pesat menuju ke arah teknologi maklumat. Lebih-lebih lagi di negara kita telah wujud lebih sepuluh buah Institut Pengajian Tinggi(5) Awam dan ratusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Dengan jumlah pusat pengajian tinggi yang ada sudah tentu potensi untuk buku-buku ilmiah di negara ini begitu besar. Tetapi realitinya tidak begitu, sambutan terhadap buku ilmiah masih dingin. Kita tidak berasa hairan jika orang awam kurang membaca tetapi sekiranya sikap ini wujud dalam kalangan cendekiawan dan golongan mahasiswa dan(10) mahasiswi di menara gading sudah tentu fenomena ini amat memalukan dan menyedihkan.

Saban tahun sering diadakan kempen membaca yang bertujuan untuk menggalakan dan menyemai sifat suka membaca dalam kalangan masyarakat. Kempen ini tidak akan mencapai kesan yang positif jika tidak mendapat sambutan daripada semua pihak.(15) Walaupun kadar celik huruf di negara ini sudah meningkat ke tahap 93% namun kadar ini tidak boleh kita banggakan jika bahan bacaan yang dibaca hanya majalah-majalah yang berbentuk hiburan dan berunsur picisan semata-mata yang tidak boleh membangunkan jiwa insan yang membacanya. Lebih-lebih lagi bahan-bahan bacaan tersebutlah yang mendapat sambutan. Natijahnya tidak hairanlah timbulnya berbagai-bagai gejala sosial(20) yang melanda masyarakat kita pada hari ini.

Dakwaan Ketua Pengarah DBP bahawa berlaku “Kebekuan Intelektual” di negara ini tidak boleh dipandang sepi. Kata-kata beliau boleh membuat anjakan paradigma terhadap diri dan masyarakat. Jika di peringkat atasan pun budaya membaca adalah kurang apatah lagi di peringkat bawahan. Sewajarnya sifat suka membaca perlu disemai sejak kecil. Bak kata pepatah “Kalau nak melentur buluh biarlah daripada rebungunya.”

(Disesuaikan daripada *Utusan Malaysia*, 25 Mei 2007)

1. Jelaskan maksud frasa

(a) ... sambutan terhadap buku ilmiah masih dingin (baris 8 dan 9) [2]

(b) ...“Kebekuan Intelektual” (baris 22) [2]

2. Apakah mesej yang mahu disampaikan oleh penulis melalui petikan di atas? [6]

3. “Saban tahun sering diadakan kempen membaca yang bertujuan untuk menggalakan dan menyemai sifat suka membaca dalam kalangan masyarakat.”(baris 13 dan 14)

Berikan ulasan anda tentang pendapat ini dengan mengemukakan bukti-bukti yang sesuai. Panjang jawapan anda hendaklah tidak lebih daripada 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C

[50 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan dengan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.

1. Kerajaan bercita-cita untuk menjadikan negara Malaysia sebagai 'Negara Industri Maju' menjelang tahun 2020. Pada pendapat anda, mampukah Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian baharu yang maju menjelang tahun 2020?
2. Malaysia dikatakan mempunyai kekuatan untuk menjadi pusat pendidikan serantau. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat tersebut.
3. Kewujudan laman sosial seperti "facebook", "twitter", "blog" dan sebagainya merupakan salah satu perkhidmatan internet yang terkini. Bincangkan impak laman sosial ini kepada masyarakat dan negara.